



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia
For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Siaran Akhbar

3 Disember 2020

Peringatan SAM Terhadap Bahaya Pemajuan Industri Nadir Bumi

Sahabat Alam Malaysia (SAM) merasa amat bimbang dengan pengumuman oleh Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, kelmarin bahawa kerajaan negeri telah membuat perjanjian dengan syarikat usahasama yang berpejabat di Kuala Lumpur untuk meneroka unsur nadir bumi (REE). Menurut laporan media, Menteri Besar mendakwa REE tidak radioaktif dan telah ditemui di Sik, Ulu Muda dan Baling di Kedah.

Dakwaan yang sama dibuat pada tahun lepas oleh bekas Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) berhubung perjanjian antara syarikat China dan Kerajaan Negeri Perak untuk meneroka galian nadir bumi. Usahasama Perak itu melibatkan kerajaan negeri dan syarikat China, Chinalco GXNF Rare Earth Development untuk meneroka galian nadir bumi.

Jawapan balas pihak Kementerian kepada SAM mendakwa bahawa China mempunyai kepakaran dalam mengenal pasti potensi sumber nadir bumi di Perak, terutama sekali tanah liat *ion-adsorption*, tidak mengandungi thorium atau uranium sebagai sisa produk-sampingan.

SAM percaya bahawa usahasama Kedah itu sama seperti yang sedang dijalankan di Perak dan kami menggesa Menteri Besar untuk mengesahkan perkara ini dan adakah usahasama ini melibatkan syarikat China yang sama.

Kebimbangan kami tidak terlega dengan kenyataan Menteri Besar Kedah dan Kerajaan Persekutuan bahawa usahasama itu tidak melibatkan unsur radioaktif.

Penyelidikan awal SAM berhubung pengalaman China menunjukkan bahawa terdapat kerosakan alam sekitar yang amat serius dan kesan terhadap kesihatan manusia berkaitan perlombongan dan pelarutresapan sumber tanah liat nadir bumi *ion-adsorption*.

Kajian 2013¹ oleh enam ahli akademik universiti China mengenai kesan industri nadir bumi *ion-adsorption* di Selatan China mendedahkan kesan kemusnahan alam sekitar di wilayah itu. Kajian '*China's ion-adsorption rare-earth resources, mining consequences and preservation*' mempunyai banyak penemuan yang amat membimbangkan.

Dikatakan bahawa kerajaan pusat China pada Jun 2011, menguatkuasakan pengharaman perlombongan permukaan dan melarutresapkan dalam tangki/timbunan ketika melaksanakan pelarutresapan in-situ bagi nadir bumi *ion-adsorption*.

Menurut kajian, "**perlombongan permukaan/puncak gunung** untuk bijih nadir bumi *ion-adsorption* telah menjadi pendorong dominan kepada perubahan guna-tanah dan kemerosotan tanah di Selatan China,

menyebabkan kehilangan kekal ekosistem, hakisan tanah yang teruk, pencemaran udara, kehilangan biodiversiti dan masalah kesihatan manusia”. **Kajian itu menganggarkan bahawa kos perlombongan ini melebihi daripada manfaat, malah sebelum mengambilkira kos kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.**

Kajian itu seterusnya menyatakan bahawa sementara teknologi pencucian in-situ berkelebihan dalam bentuk pembersihan tumbuhan permukaan dan penggalian tanah, bagaimanapun, “penguatkuasaan pembersihan in-situ untuk menangani masalah alam sekitar yang dikaitkan dengan perlombongan dan penggalian nadir bumi kekal tetap diperdebatkan.”

Menurut kajian itu lagi, **“amalan pelarutresapan in-situ** juga mendedahkan masalah alam sekitar yang serius termasuk pencemaran air bawah tanah, lombong runtuh dan tanah runtuh... Lebih daripada 100 kejadian tanah runtuh dilaporkan di wilayah Ganzhou disumbangkan kepada amalan pelarutresapan dan perlombongan in-situ, dengan kos kerugian dan kesan kepada manusia yang amat ketara... Tebus guna lombong pelarutresapan in-situ yang telah selesai ...amat tinggi kosnya berbanding perlombongan permukaan/lombong pelarutresapan timbunan.”

Penemuan ini dengan kedua-dua kategori aktiviti (perlombongan permukaan/puncak gunung, dan pelarutresapan in-situ) amat membimbangkan. **Persoalan utama ialah: Kenapa memulakan penerokaan untuk mengenal pasti galian nadir bumi terlebih dahulu, jika perlombongan dan pemprosesan galian amat memusnahkan alam sekitar, dan juga memberi kesan yang serius kepada kesihatan awam dan manusia?**

SAM menggesa agar pihak berkuasa:

> Pertama sekali, demi ketelusan, kami menggesa kerajaan negeri Kedah mendedahkan kepada orang ramai perjanjian antara syarikat yang terlibat dalam usahasama itu. Orang ramai berhak untuk mengetahui apakah yang ditugaskan untuk dilakukan oleh syarikat itu dan di manakah aktiviti penerokaan itu akan dijalankan dan apakah perlindungan untuk alam sekitar dan sosial yang dipertimbangkan.

Penerokaan REE bukanlah tanpa kesan sosial dan alam sekitar, terutama sekali apabila unsur itu ditemui di kawasan alam sekitar yang amat sensitif seperti hutan simpan atau di mana komuniti tempatan tinggal.

> Kedua, kami menggesa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA) untuk mendedahkan dasar kerajaan berhubung pembangunan industri nadir bumi, dan menjalankan rundingan awam sebelum membenarkan negeri-negeri memulakan usahasama sebegini, bukan sahaja di Kedah dan Perak tetapi juga di tempat lain.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri tidak seharusnya dibutakan oleh janji berbilion atau trilion ringgit berkaitan industri nadir bumi, yang perlu dilihat sebagai industri toksik dan kotor, sama seperti yang kita ketahui bagi industri plastik dan tembakau.

Kita perlu mencari alternatif kepada nadir bumi memandangkan ia bersifat merosakkan alam.

Malaysia mestilah memberikan keutamaan yang betul dan mengutamakan alam sekitar dan tidak terus menjarah dan merosakkan sumber asli kita, atas nama menjana kekayaan ekonomi. Jelas, kita tidak pernah belajar daripada pengajaran yang lepas terhadap apa yang dikatakan benar-benar mampan, tetapi sebagai ganti meninggalkan legasi toksik untuk generasi akan datang.

Meenakshi Raman
Presiden
Sahabat Alam Malaysia

¹ <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2211464513000316>